

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 07 Januari 2017

MUKA SURAT: 4

40 orang kena tipu pembelian rumah PPR

TANJONGKARANG - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Bandar (KPKT) telah menerima aduan daripada 40 orang membabitkan penipuan pembelian rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, penipuan itu melibatkan kerugian sehingga RM250,000 dengan setiap daripada mangsa memberitahu, mereka telah beli borang permohonan rumah PPR daripada pihak ketiga pada harga antara RM5,000 hingga RM10,000.

"Mereka datang jumpa KPKT untuk buat aduan dan beritahu in-

dividu yang jual borang kepada mereka berjanji akan dapat membeli rumah PPR dimohon dengan mendakwa dia mempunyai kenalan terdiri daripada orang atasan atau menggunakan nama Umno.

"KPKT buat semakan terhadap pengadu dan kebanyakannya tidak layak kerana tidak melepasi syarat memohon dan ada nama tiada dalam senarai kerana borang tidak dihantar kepada KPKT," katanya.

Noh berkata, borang program bantuan perumahan kerajaan diberi percuma kepada pemohon.

"Tapisan dilakukan dengan ketat supaya yang berhak sahaja dapat bantuan disediakan. - *Bernama*